

KAJIAN PERBANDINGAN FRASA NEGATIF BAHASA MELAYU DAN BAHASA JEPUN

Zoraida Mustafa
Suraiya Mohd. Ali

Abstrak

Kajian tentang negasi (*negation*) telah mendapat perhatian di Eropah sejak berabad yang lalu, tetapi penerokaannya dalam bahasa Melayu masih sedikit. Kajian ini merupakan satu perbandingan penggunaan frasa negatif dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun. Sumber frasa-frasa negatif diperoleh daripada tiga buah novel Melayu yang telah diterjemahkan dalam bahasa Jepun. Hasil daripada kajian secara kuantitatif, lebih 60 peratus daripada frasa negatif bahasa Melayu mampu disampaikan dalam bentuk negatif bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa situasi yang menunjukkan bahasa Jepun lebih cenderung menggunakan frasa negatif berbanding dengan frasa positif. Selain itu, konstituen negatif seperti ‘~nai’ (*tidak/bukan*) dalam BJ bukan sahaja digunakan untuk tujuan penafian. Ia juga turut digunakan dalam frasa ataupun ayat untuk menunjukkan larangan ataupun kemestian ke atas sesuatu perkara apabila unsur ataupun konstituen negatif itu digandakan (*double negation*).

Abstract

This article is an approach to negative expressions and their issues in Malay and Japanese. Using translated novels, negative expressions in both languages were collected and analyzed. Quantitative analysis resulted that more than 60 percent of Malay negatives expressions were also expressed in negative in Japanese. However, when compared to Malay, Japanese shows tendencies to use negative phrases rather than affirmative. For instances, negative phrases were used when indicating imperative and obligation in Japanese sentences. These sentences contained negatives constituent, but semantically they are affirmative.

PENDAHULUAN

Semenjak dua atau tiga abad kebelakangan ini kajian perbandingan antara dua atau lebih bahasa telah memainkan peranan penting dalam menentukan arus perkembangan pendidikan bahasa asing. Walau bagaimanapun, kajian perbandingan antara bahasa Jepun (BJ) dan bahasa Melayu (BM) masih sangat terhad dan tertumpu pada beberapa topik tertentu sahaja. Leow (1998) dan Izzudin (2000) masing-masing telah mengkaji ayat pasif dan partikel secara perbandingan antara kedua-dua bahasa tersebut.

Kebanyakan kajian perbandingan isu negatif dalam BJ tertumpu pada bahasa Inggeris (BI). A. Ota (1980) telah mengkaji isu negatif dari segi semantik dan perbandingannya dengan BJ, diikuti oleh kajian oleh K. Iwakura (1982), A. Ota dan Y. Kato (1986), H. McGloin (1986) dan Y. Kato (1986) meliputi kajian sintaksis dan semantik negasi dalam BJ dengan merujuk kepada BI. Y. Morita (1981) dan Y. Kato (1986) telah membuat permulaan mengklasifikasikan negatif yang wujud dalam BJ mengikut fungsi, tetapi perbincangan mengenainya agak terhad. Y. Kojima (1988) dan N. Kawase (1996) cuba untuk mengupas isu dengan cara yang berlainan, iaitu dengan membandingkan penghasilan frasa negatif dan positif antara BJ dengan BI dan mengambil kira latar belakang budaya dan cara berfikir mengikut individu sebagai faktor yang mempengaruhi penghasilan frasa-frasa tersebut.

Jika dilihat kajian tentang isu negatif dalam BM pula, lebih banyak menyentuh akan isu-isu struktur dan nahu seperti yang dapat dilihat dalam Asmah (1982,1989), Nik Safiah (1995), Nik Safiah *et al.* (1996), Arbak (1989), dan Liaw dan Abdullah (1994).

Permasalahan

Andaikan seorang teman bertanya, “Kau ada duit?”, secara lazim jawapannya akan menjadi “Ya” atau “Tidak”. Tetapi andaikan, wang yang dimiliki ketika itu sangat sedikit jumlahnya, kemungkinan, “Saya ada dua ribu yen sahaja...”, cukup untuk menunjukkan maksud penutur mempunyai wang tidak lebih daripada dua ribu yen. Tetapi dalam BJ, terdapat dua jenis ayat yang boleh digunakan.

- (a) “*Okane ga ni sen yen dake¹ arimasu.*”
 Duit TOP dua ribu sahaja ada
 ‘Saya ada dua ribu yen sahaja.’

1 *Dake*: Kata adverba yang diikuti dengan KK dalam bentuk positif (bentuk kamus).

- (b) “*Okane ga ni sen yen shika² arimasen.*”

Duit TOP dua ribu sahaja ada – NEG

‘Saya hanya ada dua ribu yen sahaja.’

(a) dan (b) mempunyai maksud yang sama dengan, “Saya ada dua ribu yen sahaja.” Tetapi bezanya ayat (a) menggunakan frasa positif, dan ayat (b) menggunakan frasa negatif. Ini menunjukkan dalam BJ, penutur boleh memilih sama ada mahu menggunakan frasa negatif atau positif untuk menyatakan sesuatu mengikut keadaan dan kesesuaian dalam sesuatu perbualan.

Seterusnya perhatikan contoh ayat BJ di bawah:

- (c) *Kare wa yo ji ni kaerimasu.*

Dia TOP empat pukul pada pulang

‘Dia pulang pada pukul 4.00.’

- (d) *Kare wa yo ji kaerana - kereba- narimasen.*³

Dia TOP empat pukul pulang-NEG-kalau-jadi-NEG

‘Dia mesti pulang pada pukul 4.00.’

- (e) *Kore wa watashi ni dekiru subete desu.*

Ini TOP saya pada boleh semua COP

‘Inilah semua yang boleh saya lakukan.’

- (f) *Watashi wa kore dake shika⁴ dekimasen.*

Saya TOP ini sahaja hanya boleh – NEG

‘Inilah sahaja yang boleh saya lakukan.’

Ayat (c) dan (d) mempunyai maksud yang sama iaitu, ‘Dia pulang pada pukul empat’, (e) dan ayat (f) membawa maksud ‘Inilah sahaja yang boleh saya lakukan.’ Menurut H. Kindaichi (1975) masyarakat Jepun lebih cenderung menggunakan frasa negatif seperti ayat (d) dan (f).

Y. Kojima (1988) dan N. Matsukura (1999) yang membuat kajian perbandingan BJ dan BI juga mengatakan Jepun lebih cenderung menggunakan frasa negatif berbanding dengan BI yang lazim menggunakan frasa positif. N. Matsukura juga membuat kesimpulan bahawa perbezaan dalam penghasilan ayat yang menggunakan frasa negatif banyak bergantung pada cara pemikiran penutur bahasa berkenaan. Mengikut N. Matsukura lagi,

2 *Shika*: Kata adverbial yang diikuti dengan kata kerja dalam bentuk negatif *~nai*.

3 *Kaeranakerebanarimasen*: berasal daripada bentuk *kaeranai* (tidak pulang) diikuti oleh bentuk *nebanaranai* yang digunakan untuk menunjukkan tanggungjawab atau kewajipan.

4 *Dake shika*: boleh digunakan secara serentak untuk menguatkan ayat, diikuti KK dalam bentuk negatif *~nai*.

ungkapan-ungkapan dan istilah negatif dalam BJ terhasil oleh sebab penutur BJ mempunyai cara berfikir yang berbentuk *uzumaki*⁵ dan menyebabkan pembukaan yang panjang lebar dan ungkapan secara tidak langsung kepada pasangan dalam perbualan. Ini antara sebab mengapa penutur BJ lebih cenderung menggunakan frasa negatif berbanding dengan frasa positif.

Persoalan yang timbul di sini, adakah BM juga mempunyai ciri-ciri yang sama seperti BJ? Adakah perbezaan struktur nahu mempengaruhi penghasilan frasa negatif ataupun positif dalam BM dan BJ?

Jika dilihat pada contoh-contoh ayat di atas, perbezaan penggunaan frasa negatif antara BM dengan BJ juga agak ketara. Penutur BM lebih senang menyatakan sesuatu secara langsung yang kebanyakannya tidak memerlukan kehadiran kata nafi kecuali untuk tujuan penafian ataupun pembetulan tentang sesuatu yang tidak benar, seperti contoh pada satu perbualan di bawah:

A dan B bersedia untuk ke pusat membeli-belah kerana ada jualan murah.

A: "Mesti kaubawa wang banyak hari ini"

B: "Tak adalah"

Secara ringkas dan kasar, dalam BM kehadiran kata nafi seperti *tak* hanya diperlukan untuk menafikan sangkaan A. Walau bagaimanapun, adakah ini memaparkan ciri-ciri penggunaan bahasa sebenar dalam BM yang digunakan oleh penuturnya masih menjadi satu persoalan. Kajian ini merupakan satu asas permulaan bagi membina tapak sebelum kajian teoritis lengkap antara BM dengan BJ diteruskan dan perlu untuk mendapatkan maklumat tentang ciri-ciri dan jenis frasa negatif yang wujud dalam kedua-dua bahasa.

Kaedah dan Matlamat Kajian

Memandangkan Malaysia mempunyai latar belakang pendidikan BJ yang sedang pesat berkembang (Japan Foundation, 1998), kajian perbandingan antara kedua-dua bahasa seperti ini adalah penting untuk membantu mempertingkatkan proses pembelajaran BJ di Malaysia. Kajian ini juga diharap dapat membantu memberikan garis panduan dari segi perbezaan antara kata nafi, secara khususnya, dalam kedua-dua bahasa dan sekali gus membantu pembelajaran kata nafi BJ dalam kalangan penutur BM.

5 *Uzumaki*: Garisan yang berpusing-pusing tidak putus membentuk bulatan yang menggambarkan cara penutur BJ berfikir (N.Matsukura, 1999).

Kajian ini merupakan kajian deskriptif berasaskan kes daripada tiga buah novel BM dan terjemahannya dalam BJ sebagai bahan utama untuk mengumpul data yang terdiri daripada contoh-contoh ayat yang mengandungi kata nafi atau konstituen negatif (BJ). Novel yang digunakan ialah Adibah Amin (1968) *Seroja Masih di Kolam* dan diterjemahkan oleh A. Matsuda (1986) *Saraja no Hana wa Mada Ikeni*, Adibah Amin (1983) *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* dan terjemahannya oleh A. Matsuda (1986) *Horo Nigai Omoide*, dan S. Othman Kelantan (1976) *Juara* dan terjemahannya oleh K. Hirato (1988) *Togyushi*.

Bilangan novel BM yang diterjemahkan dalam BJ sangat sedikit⁶ dan tertumpu pada novel yang mempunyai bilangan pembaca yang ramai. Ketiga-tiga buah novel yang dipilih merupakan antara novel yang banyak menggunakan bahasa perbualan asas dan mudah tanpa pembayang puitis yang keterlaluan dan membantu memudahkan pengumpulan data.

Ayat-ayat yang mengandungi konstituen negatif ataupun kata nafi dikumpul daripada keenam-enam buah novel. Frasa negatif BM yang mengandungi kata nafi seperti *tidak, tak, bukan, tiada, enggan, entah, jangan*, dan *usah*⁷ dikumpulkan daripada ketiga-tiga buah novel BM. Seterusnya ayat-ayat terjemahannya dikumpul daripada novel-novel terjemahan. Proses sebaliknya dilakukan ke atas novel terjemahan, iaitu ayat-ayat yang mengandungi unsur atau konstituen negatif seperti *~nai, ~mai, ~zu, ~nul~n* dan kata larangan seperti *~na*⁸ dikumpulkan (rujuk di bawah). Selain itu, pengaruh bahasa Cina (BC) ke atas BJ juga membolehkan BJ menggunakan imbuhan awalan sebagai konstituen negatif dalam sesuatu perkataan atau frasa.

Konstituen Negatif BJ

Konstituen negatif dalam BJ akan hadir pada akhir ayat selepas kata kerja (KK), kata nama (KN) atau kata adverba (KA). Contohnya:

(g) *Watashi wa kare to eiga wo minai.*

Saya TOP dia (lelaki) dengan wayang ACC tengok-NEG
'Saya tidak tengok wayang dengan dia.'

6 Sewaktu data kajian dikumpulkan (Mac 2001) terdapat tujuh buah novel BM yang diterjemahkan dalam BJ yang berjaya dikesan. Ia terdiri daripada: *Merpati Putih Terbang Lagi; Ranjau Sepanjang Jalan; Wajah Seorang Wanita; Juara; Anak Laut; Tempat Jatuh Lagi Dikenang; dan Seroja Masih di Kolam*.

7 Kata nafi dalam BM adalah merujuk kepada Nik Safiah *et al.* (1996) dan Asmah (1982).

8 Unsur-unsur atau konstituen negatif dalam BJ adalah berdasarkan kajian terdahulu oleh Y. Namatame *et al.* (1996) dan S. Narita (1998).

Ini adalah berlawanan dengan kata nafi dalam BM yang hadir di hadapan KK, KN atau kata tugas. Contohnya:

(h) Saya **tidak** tengok wayang dengan dia.

S. Narita (1998) dan Y. Namatame *et al.* (1996) mengklasifikasikan unsur atau konstituen negatif BJ dalam beberapa kumpulan. Secara amnya negasi (*negation*) dalam bahasa Jepun diwakili oleh suku kata *~nai* (*masen*). Contohnya:

(i) *Kare wa gakko he **ika-nai**.*

Dia (lelaki) TOP sekolah ke pergi – NEG

‘Dia **tidak** pergi ke sekolah.’

Suku kata *~mai* pula digunakan untuk menunjukkan ramalan negatif tentang sesuatu. Contohnya:

(j) *Mou ni do to eigakan he **ikumai**.*

Sudah dua kali QM pawagam ke pergi – NEG (ramalan)

‘Saya **tak mungkin** pergi lagi ke pawagam.’

Suku kata *~nu* mempunyai ciri-ciri yang sama seperti *~nai* dan kadangkala digunakan secara ringkas dengan akhiran *~n* sahaja. Begitu juga dengan suku kata *~zu* yang turut boleh digunakan untuk menunjukkan negasi dalam BJ. Contohnya:

(k) *Nihonjin wa keshite⁹ te wo tsukatte gohan.*

Orang Jepun TOP tentu tangan ACC menggunakan nasi

wo **tabenu**. ACC makan – NEG

‘Orang Jepun tentu sekali **tidak makan** nasi dengan menggunakan tangan.’

(l) *Kare wa asa gohan wo **tabezu** ni gakko*

Dia (lelaki) TOP pagi makan ACC makan – NEG P sekolah

he itta.

ke pergi [past]

‘Dia pergi ke sekolah **tanpa sarapan**.’

Walau bagaimanapun, suku kata seperti *-nu*, *-n*, dan *-zu* lebih banyak digunakan dalam bahasa penulisan berbanding dengan bahasa pertuturan harian. Selain daripada suku kata dalam perkataan, bahasa Jepun juga

9 *Keshite*: Kata adverbial yang diikuti dengan KK dalam bentuk negatif.

menggunakan *Kanji*¹⁰ yang membawa maksud negatif seperti [非 = Hi], [不 = Fu] [無 = Mu], dan [未 = Mi]. Contohnya,

(m) *Kare wa eiga no koto nado mattaku.*

Dia (lelaki) TOP filem BP NOM dan lain-lain langsung **mukanshin** datta.

Berminat – NEG [past]

‘Dia langsung tidak berminat dengan hal ehwal filem.’

Dalam klasifikasi yang dibuat oleh S. Narita, terdapat satu gabungan KK (bentuk kamus) dan *-na* sebagai satu lagi bentuk negatif untuk larangan. Contohnya:

(n) *Shibahu ni **hairuna**.*

Rumput ke masuk – NEG

‘**Jangan pijak** rumput/ Dilarang memijak rumput’

Kajian ini menggunakan kategori konstituen negatif yang diklasifikasikan oleh S. Narita dan Y. Namatame untuk mengenal pasti ayat-ayat BJ yang menggunakan frasa negatif yang digunakan dalam data terkumpul.

Pemprosesan Data dan Analisis

Keseluruhan data yang terkumpul dibahagikan kepada tiga kumpulan besar iaitu: kumpulan frasa negatif yang diterjemahkan kepada frasa negatif; kumpulan frasa negatif yang diterjemah dalam frasa positif; dan kumpulan frasa positif yang diterjemah dalam frasa negatif. Secara khususnya ini dapat dilihat dalam enam bahagian kecil mengikut ciri-ciri contoh ayat yang telah dikumpulkan. Kumpulan A merupakan kumpulan contoh ayat asal BM yang menggunakan frasa negatif dan diterjemahkan dalam frasa negatif BJ. Kumpulan B ialah kumpulan contoh ayat asal yang menggunakan frasa positif dan diterjemahkan dalam frasa negatif BJ. Kumpulan C ialah kumpulan contoh ayat asal yang menggunakan frasa negatif dan diterjemahkan dalam frasa positif BJ. Kumpulan D menunjukkan contoh ayat asal menggunakan frasa positif dan telah diterjemahkan dalam frasa negatif BJ. Kumpulan ini mempunyai bentuk yang sama dengan kumpulan B, tetapi berbeza dari segi ayat terjemahan yang membawa maksud positif. Kumpulan E menunjukkan contoh ayat asal BM yang menggunakan frasa negatif dan diterjemahkan

10 *Kanji*: Jenis tulisan dalam bahasa Jepun terbahagi kepada tiga, iaitu *Hiragana*, *Katakana*, dan *Kanji*. *Kanji* berasal daripada BC.

dalam frasa negatif dengan menggunakan *kanji* sebagai konstituen negatif. Kumpulan F ialah kumpulan contoh ayat asal yang menggunakan kata tugas¹¹ seperti *belum*, *jarang*, *hanya* dan diterjemahkan kepada frasa negatif BJ.

Pembahagian kumpulan di atas dapat dilihat dalam bentuk rajah seperti di bawah:

- A : Frasa negatif BM → Frasa negatif BJ
- B : Frasa positif BM → Frasa negatif BJ
- C : Frasa negatif BM → Frasa positif BJ
- D : Frasa positif BM → Frasa negatif BJ (maksud positif)
- E : Frasa negatif BM → Frasa negatif *kanji* BJ
- F : Frasa yang menggunakan kata tugas BM → Frasa negatif BJ

Rajah 1 Kumpulan Perbandingan Frasa BM dan BJ.

Analisis data dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif. Analisis kuantitatif menunjukkan peratusan bilangan ayat yang menggunakan frasa negatif dan positif dalam semua novel. Lihat contoh ayat di bawah:

- (1) Dia merasa kata-katanya itu tidak keras. (*Juara*).
kare omou kotoba sono kibishi – NEG
 ‘Kare wa jibun no kotoba ga kibishikunai to omotta.’
- (2) *Mamatto wa jibun no kotoba wo tekibishi to wa*
 Mamat TOP sendiri BP kata-kata ACC keras QM CON
omowanakatta. (*Togyushi*).
 fikir – NEG [past]
 ‘Mamat tidak merasakan kata-katanya itu keras.’


Ayat (1) sebenarnya mempunyai maksud setara, “*Kare wa jibun no kotoba ga kibishikunai to omotta.*” Walau bagaimanapun ayat tersebut telah diterjemahkan seperti (2) yang bermaksud: “Mamat tidak merasakan kata-katanya itu keras.” Walaupun ketidaksetaraan terjemahan seperti di atas berlaku dalam analisis kuantitatif, kedua ayat tersebut dikenali sebagai ayat yang menggunakan frasa negatif. Dengan lain perkataan, ayat (2) terdiri dalam kumpulan A, iaitu kumpulan contoh ayat yang menggunakan frasa negatif BM dan diterjemahkan kepada frasa negatif BJ.

11 Kata tugas (*function word*): Golongan perkataan selain kata nama, kata kerja dan kata adjektif yang mendukung sesuatu tugas tertentu dalam binaan ayat, klausa dan frasa. (Nik Safiah *et al.*, 1996).

DAPATAN KAJIAN

Analisis Kuantitatif

Hasil daripada perbandingan yang dibuat terhadap contoh ayat asal BM dan BJ adalah seperti yang dapat dilihat pada graf di bawah.



Graf 1 Perbandingan Bilangan dan Peratusan Ayat BM dan BJ.

Nota* 1: F. *Seroja Masih di Kolam* (Saroja no Hana wa Mada Ike ni), 2: *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* (Horo Nigai Omoide), 3: *Juara (Togyushi)*.

A: Frasa negatif BM → Frasa negatif BJ, B: Frasa positif BM → Frasa negatif BJ, C: Frasa negatif BM → Frasa positif BJ, D: Frasa positif BM → Frasa negatif BJ (maksud positif), E: Frasa negatif BM → Frasa negatif *kanji* BJ, F: Frasa yang menggunakan kata tugas BM → Frasa negatif BJ.

Setiap novel menunjukkan peratusan melebihi 60 peratus bagi kumpulan A, iaitu ayat yang mengandungi frasa negatif dalam novel BM telah diterjemahkan kepada frasa negatif dalam novel BJ. Kumpulan B, iaitu ayat yang mengandungi frasa positif BM yang telah diterjemahkan dalam frasa negatif BJ, *Tempat Jatuh Lagi Dikenang*, dan *Seroja Masih di Kolam* masing-masing menunjukkan peratusan yang hampir sama, iaitu 18.9 peratus dan 18.4 peratus. *Juara* menunjukkan peratusan yang agak rendah, iaitu 14.7 peratus. Kumpulan C, iaitu ayat asal yang menggunakan frasa negatif yang diterjemahkan dalam frasa negatif BJ pula, *Juara* dan *Seroja Masih di Kolam* menunjukkan peratusan yang hampir sama, iaitu 10 peratus dan *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* menunjukkan peratusan yang agak rendah, iaitu 6.2 peratus sahaja. Perbezaan sebanyak empat peratus ini terjawab apabila, dalam kumpulan F, *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* menunjukkan kelebihan lebih dua peratus berbanding dengan *Juara* dan *Seroja Masih di Kolam*. Dengan lain perkataan, novel *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* lebih banyak menggunakan kata tugas daripada menggunakan kata nafi seperti *tidak* dan *bukan*. Kumpulan D mempunyai format yang sama dengan kumpulan B. Walau bagaimanapun, ia berbeza dari segi ayat BJ yang menggunakan frasa negatif ini mendukung maksud positif. Contohnya:

(3) Jangan belajar teruk sangat. Otak tu nak pakai sampai tua.
(*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).

(3') *Sonna ni muri shite benkyoo shicha dame yo.*
Sebegitu tidak bersebab buat belajar buat-NEG FP
Noo misoo wa kore kara zutto, toshi toru made
Otak TOP ini dari seterusnya usia ambil hingga
tsukawana -kereba- naranai-n dakara. (*Horo Nigai Omoide*)
guna-NEG-kalau-jadi-NEG-NOM sebab.

'Janganlah belajar teruk tak bersebab sebegitu sekali. Otak mesti digunakan hingga tua.'

Ayat terjemahan BJ mengandungi konstituen negatif *~nai*, tetapi ia membawa maksud positif yang menunjukkan *tidak boleh tidak* ataupun *mesti* yang bermaksud positif. Novel *Seroja Masih di Kolam* dan *Juara* menunjukkan peratusan yang hampir sama, dan *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* menunjukkan peratusan yang sedikit rendah berbanding dengan dua novel tadi. Kumpulan E menunjukkan *Juara* mendahului *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* dan *Seroja Masih di Kolam* dengan bilangan ayat yang

menggunakan frasa negatif BM yang diterjemahkan dalam *Kanji* (negatif) BJ, iaitu 4.6 peratus.

Hasil daripada analisis kualitatif, walaupun BM dan BJ mempunyai struktur ayat yang berbeza, lebih 60 peratus daripada frasa-frasa negatif BM boleh disampaikan dalam bentuk frasa negatif dalam BJ. Lebih 20 peratus frasa positif BM diterjemahkan dalam frasa negatif BJ. Ini termasuklah bilangan frasa negatif yang mendukung maksud positif dan frasa BM yang menggunakan kata tugas. Akhirnya kurang 10 peratus daripada frasa negatif BM diterjemahkan dalam frasa positif Jepun. Dari segi kuantiti, dapat dikatakan bahawa BJ lebih banyak menggunakan frasa negatif berbanding dengan BM.

Analisis Kualitatif

Analisis ini dilakukan mengikut kumpulan contoh ayat yang telah dibuat seperti di atas. Analisis A adalah untuk kumpulan contoh ayat BM yang menggunakan frasa negatif dan diterjemahkan dalam frasa negatif BJ. Analisis B adalah untuk kumpulan contoh ayat yang menggunakan frasa positif BM dan diterjemahkan dalam frasa negatif BJ. Analisis C ialah kumpulan contoh ayat BM yang menggunakan frasa negatif dan diterjemahkan dalam frasa positif BJ. Analisis D ialah kumpulan contoh ayat yang menggunakan frasa positif BM dan diterjemahkan dalam frasa negatif BJ tetapi mendukung maksud positif. Analisis E ialah kumpulan contoh ayat BM yang menggunakan frasa negatif BM dan diterjemahkan dalam *Kanji* (negatif) BJ. Analisis F ialah kumpulan contoh ayat BM yang menggunakan kata tugas dan diterjemahkan dalam frasa negatif BJ.

Hasil daripada analisis kualitatif akan memperlihatkan ciri-ciri frasa negatif yang ada dalam BM dan BJ sekali gus memberi garis kasar tentang perbezaan dan persamaan frasa negatif yang wujud dalam kedua-dua bahasa.

A. Frasa Negatif BM → Frasa Negatif BJ

Hasil daripada penelitian ke atas data yang terkumpul daripada novel asal dan terjemahannya terdapat beberapa ciri utama tentang penggunaan unsur dan konstituen negatif dalam kedua-dua bahasa.

i. Penggunaan Kata Larangan BM Menunjukkan Keselarasan, Manakala BJ Menunjukkan Variasi

Secara amnya data BM menunjukkan penggunaan *jangan* sebagai kata larangan, manakala contoh ayat BJ menunjukkan variasi kata larangan, iaitu

beberapa bentuk kata larangan telah digunakan. Sila lihat contoh ayat di bawah:

- (3) “Jangan tunjuk banyak wang di tempat aku.” (*Juara*).
- (3’) *Jali, ore no me no mae de kane no aru*
 Jali, aku BP mata BP depan di duit BP ada
 tokoro wo misetsukeru-na. (*Togyushi*).
 tempat ACC tunjuk-NEG
 ‘Jali, jangan tunjuk ada duit depan mata kau.’
- (4) “Jangan ikut,” Mamat memberi amaran. (*Juara*).
- (4’) *Soshite tsuite –kuru –n –janai zo to keikoku suru*
 Kemudian ikut-datang-NOM-NEG FP QM amaran buat
 yoo ni itta. (*Togyushi*).
 seperti kata [past]
 ‘Jangan ikut, katanya seperti memberi amaran.’
- (5) ... jangan pergi ke tepi jalan. (*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
- (5’) ... *michi hashi ni itte wa dame*. (*Horo Nigai Omoide*)
 jalan tepi ke pergi CON salah.
 ‘Jangan pergi ke tepi jalan.’

Ayat dalam (3’), (4’), (5’) merupakan ayat yang menggunakan kata larangan yang berbeza. Ayat (3’) menggunakan bentuk [kata kerja (bentuk kamus¹²) + *na*] untuk menunjukkan larangan. Ayat (4’) juga menggunakan [kata kerja (bentuk kamus)+ *no/n* (partikel) + *janai*] juga menunjukkan larangan. Tetapi kebiasaannya bentuk ini akan diikuti oleh ‘*n*’ selepas kata kerja bagi menunjukkan penekanan pada larangan tersebut. Seperti contoh, *kuru* [datang] + *n*(no) [partikel] + *jana i* [NEG] = *kurunjanai* yang bermaksud *jangan datang*. Manakala ayat (5’) pula merupakan kata larangan umum yang biasa digunakan. Partikel *wa* memainkan peranan penting di sini sebagai ‘marker’ yang menunjukkan sifat berlawanan (*contrast*) kedua-dua perkataan yang berada di antaranya. Selain daripada *dame*,

12 KK dalam BJ mempunyai beberapa bentuk seperti bentuk *-te*, bentuk kamus, bentuk *-masu*, bentuk *-ta* (kata lampau), bentuk *kanou* (menunjukkan kebolehan, kemampuan untuk melakukan sesuatu perkara), dan bentuk negatif *-nai*. Bentuk kamus ialah bentuk asal untuk semua KK, dan KK pula mempunyai kumpulan mengikut suku kata akhir dalam setiap perkataan.

KK kumpulan 1: KK yang mempunyai akhiran suku kata *u*, *ku*, *gu*, *mu*, seperti: *utau* (menyanyi), *iku* (pergi), *yomu* (membaca), *oyogu* (berenang). KK kumpulan 2: mempunyai akhiran suku kata *-eru*, seperti: *taberu* (makan), *makeru* (kalah).

bentuk ini boleh juga berakhir dengan *ikenai*, dan *naranai*, selepas kata kerja dalam bentuk *~te*. Ketiga-tiga pengucapan ini lazimnya digunakan dalam bentuk bahasa lisan.

Daripada contoh ayat BM pula selain daripada *jangan*, penggunaan *usah* sebagai kata nafi larangan juga dapat dilihat dalam beberapa kes seperti contoh di bawah:

(6) Tak usahlah Cik Jalal nak menghiburkan hati saya. (*Seroja Masih di Kolam*).

(6') *Sonna ni nagusamete kudasaranakute mo ii-n desu.*
Sebegitu memujuk kepada saya pun baik-NOM COP
(*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).
'Tidak mengapa kalau tidak memujuk saya sebegitu pun.'

Usah mempunyai makna dan fungsi yang sama dengan *jangan* tetapi lebih lembut berbanding dengan *jangan* untuk menyatakan larangan (Asmah, 1982). Selain daripada *usah* dan *jangan*, penggunaan *haram* juga terdapat pada beberapa contoh ayat BM. Perkataan 'haram' berasal daripada bahasa Arab yang lazimnya digunakan untuk menyatakan hukum agama Islam. Perkataan ini telah diterjemahkan dalam frasa negatif dan positif BJ mengikut maksud yang terkandung dalam ayat BM. Contohnya:

(7) Dan haram sama sekali berkelahi walau bagaimana besar dosanya. (*Juara*).

(7') *Donna koto ga ate-mo kyoudai-genka wa.*
Bagaimana perkara TOP adapun adik beradik-bekelahi CON
zettai ni shinai to chikai atta-n-da. (*Togyushi*).
mesti P buat-NEG QM bersumpah saling [past]-NOM-CAP
'Kita sudah saling bersumpah tidak akan berkelahi adik-beradik walau apa pun yang berlaku.'

Dalam Asmah (1982), Nik Safiah (1995) dan Nik Safiah *et al.* (1996), *haram* tidak diklasifikasikan sebagai kata nafi. Walau bagaimanapun, sekiranya *jangan* diklasifikasikan sebagai kata nafi dalam Nik Safiah *et al.* (1996), dan sebagai kata nafi perintah dalam Asmah (1982), *haram* juga mempunyai potensi sebagai kata larangan ataupun kata nafi berdasarkan fungsinya sebagai larangan ke atas sesuatu perbuatan.¹³ Ayat (7')

13 Pengelasan *haram* sebagai kata larangan atau kata nafi boleh diperkembangkan masa hadapan memandangkan kajian tentangnya yang masih kurang dalam BM.

menggunakan frasa negatif *zettai ni shinai* yang bermaksud *tidak buat sama sekali*.

BJ merupakan sebuah *inflectional language* (bahasa infleksi) iaitu, KK hadir selepas objek dan bahagian predikat juga boleh berubah dalam frasa nama dengan kehadiran partikel dan sebagainya. Kebolehan ataupun kelonggaran perubahan gramatis yang wujud dalam BJ juga adalah salah satu sebab BJ mempunyai lebih variasi berbanding dengan BM yang terhad.

ii. Bahagian yang Dinegasikan Berbeza

Analisis kuantitatif yang dilakukan terhadap ketiga-tiga novel dan terjemahannya telah menunjukkan bahawa lebih 60 peratus data daripada setiap novel adalah berupa penggunaan frasa negatif BM yang diterjemahkan dalam frasa negatif BJ. Satu fenomena yang dapat dilihat pada terjemahan ini adalah keadaan apabila bahagian yang dinafikan tidak setara, seperti contoh ayat di bawah:

- (8) ... beberapa detik tiada siapa berbunyi. (*Seroja Masih di Kolam*).
- (8') *Kakuji sorezore omoi wo mune ni osamete.*
Setiap orang masing-masing fikiran ACC dada di menyimpan
nani mo iwanakatta. (*Seroja no Hana wa Mada Ikeni*).
apa pun kata – NEG [past]
'Setiap orang menyimpan hasrat masing-masing di dada dan tidak berkata apa-apa.'
- (9) Di langit tidak terlihat secalit awan pun. (*Juara*).
- (9') *Ma-ao de odayaka na^{3f} sora ni wa ippen no kumo.*
Biru P tenang (*na-adj*) langit di CON sepotong BP awan
mo nai. (*Togyushi*).
pun – NEG
'Tiada sepotong awan pun di langit yang membiru dan tenang.'
- (10) Dan tak ingin tahu. (*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
- (10') *Wakari-tai to omowanakatta.* (*Horo Nigai Omoide*).
Tahu-mahu QM fikir – NEG [past]
'Tidak terfikir untuk ambil tahu.'
- (11) Penumpang-penumpang lain tiada berapa ramai. (*Seroja Masih di Kolam*).

(11') *Basu wa sore hodo komi atte orazu (Saroja no Hana wa Mada Ikeni).*

Bas TOP itu sangat penuh – NEG

'Bas tidak begitu padat.'

Ayat (8) menggunakan *tiada* dan kata tanya *siapa* untuk menafikan kewujudan manusia dan membawa maksud *tidak ada sesiapa*, atau *tidak ada seorang pun* yang membuat bunyi. Tetapi ayat BJ bermaksud, "Setiap orang menyimpan hasrat masing-masing di dada dan tidak berkata apa-apa." Begitu juga terdapat pada ayat (9) iaitu yang dinegasikan dalam BM ialah KK *terlihat* manakala ayat (9') ialah kehadiran *kumo* [awam] (KN). Ayat (12) pula menafikan perasaan ingin tahu, dengan kata nafi tidak, manakala (10') bahagian yang dinegasikan ialah fikiran tentang keinginan sendiri, iaitu *omou* (fikir) dinegasikan kepada *omowanai*. Dalam ayat (11) pula ayat BM menunjukkan bilangan penumpang bas yang sedikit dengan penafian terus kepada bilangan penumpang bas. Walau bagaimanapun, ayat BJ lebih cenderung menafikan suasana di dalam bas seperti yang dapat dilihat dalam ayat terjemahan (11'). Jelas di sini dalam frasa negatif BM lebih cenderung membuat penafian terus pada objek dan BJ lebih cenderung menafikan suasana atau keadaan sesuatu berbanding dengan BM.

iii. Penggunaan Frasa Negatif untuk Menunjukkan 'Ramalan/Mungkin' dalam BJ

Secara amnya, BM menggunakan *mungkin* untuk menunjukkan ramalan ataupun perkara yang dianggarkan akan berlaku pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, daripada contoh ayat yang terkumpul daripada novel BM, terdapat gandaan atau reduplikasi¹⁴ kata larangan *jangan* dan juga kata nafi *entah* yang digunakan. Contohnya:

(12) Jangan-jangan akan berulang kejadian dahulu, ...
(*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).

(12') *no yoru no heitaitachi to onaji mokuteki de yatte kita.*
Itu malam BP askar-askar dengan sama tujuan P datang datang
No – dewa – nai – ka . (*Horo Nigai Omoide*).
NOM – CAP – NEG – Q

14 Reduplikasi: Pengulangan sebahagian atau seluruh kata dasar, baik diikuti dengan perubahan bunyi atau tidak (Anderson, 1985:169, cf. Sudaryono, 1992).

'Tak mungkinkah mereka datang dengan tujuan yang sama dengan askar-askar pada malam itu.'

(13) suruh dia naik bas, entah-entah tak jadi pergi. (*Seroja Masih di Kolan*).

(13') *basu de ike- tte ieba yameta kamoshirenai-no.*

bas dengan pergi[arahan]-QM kata berhenti mungkin-FP.

(*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).

'Mungkin batal kalau disuruh pergi dengan bas.'

Ayat (12) dan (13) masing-masing tidak mempunyai kaitan dengan negasi atau penafian. Sebaliknya kedua-duanya merupakan ayat positif dalam BM. Dalam BJ, ramalan atau kemungkinan berlakunya sesuatu perkara itu secara amnya menggunakan *kamoshirenai* seperti dalam ayat (13'). Sungguhpun *kamoshirenai* mengandungi konstituen negatif *~nai*, selain daripada menunjukkan ramalan bahawa *~nai* tidak berfungsi sebagai kata nafi. *Kamoshirenai* akan mengikuti kata kerja (bentuk kamus) untuk menunjukkan ramalan seperti, "*Iku kamoshirenai*" yang bermaksud "mungkin pergi". BJ juga menggunakan bentuk negatif untuk menyatakan ramalan seperti contoh ayat (12). Ramalan yang menggunakan *~janai/ ~dewanai* ini akan diikuti dengan intonasi yang agak tinggi untuk menyampaikan mesej ayat (Y. Morita, 1990). Ada juga penggunaannya yang diikuti dengan kata tanya *~ka*. Ini boleh ditafsirkan sebagai *mungkinkah* dalam BM.

iv. Penggunaan Negasi Berganda (*double negation*) dalam BJ

Penggunaan negasi berganda dalam BJ agak meluas. Negasi berganda ini membawa maksud positif seperti contoh:

(13) Kare wa gakko he ikana – kereba – naranai.

Dia (lelaki) TOP sekolah ke pergi-NEG-kalau-jadi-NEG

(13') Dia mesti pergi ke sekolah.

Menurut *Kamus Millenium* (2000; 466) *mesti* membawa maksud *tidak boleh tidak, wajib, tetap, pasti*, dan *tentu*. "Tidak boleh tidak" merupakan penekanan pada tahap kemestian berlakunya sesuatu perkara (Sudaryono, 1992), seperti contoh,

(14) Saya tidak boleh tidak, harus datang. (Sudaryono, 1992:111).

Walau bagaimanapun, dalam BM, *mesti* lebih mudah dan lazim digunakan berbanding dengan *tidak boleh tidak* melainkan untuk tujuan menunjukkan penekanan hal yang keterlaluan. Terdapat beberapa contoh ayat yang menggunakan negasi standard (*standard negation*) dalam BM dan diterjemahkan kepada negasi berganda dalam BJ.

(15) Jali tidak sabar. (*Juara*).

(15') Jali wa kikazu ni irarenakatta. (*Togyushi*).

Jali TOP bertanya – NEG – P – diam – NEG [past]

'Jali tidak boleh diam dengan tidak bertanya.'

(16) Faisah tidak sabar. (*Juara*).

(16') Faisa wa iwazu ni irarenakatta. (*Togyushi*).

Faisah TOP berkata – NEG – P – diam – NEG [past]

'Faisah tidak boleh diam dengan tidak berkata.'

Kikazu ni irarenakatta dan *iwazu ni irarenakatta* merupakan ayat yang menunjukkan kehadiran konstituen negatif *-zu* dan diikuti bentuk negatif *irarenakatta*¹⁵ yang bermaksud *tidak boleh diam* atau *tidak boleh berada dalam sesuatu keadaan*. *-zu ni irarenai* membawa maksud tidak dapat menahan daripada melakukan sesuatu. Ayat (18') membawa maksud "tidak boleh tidak bertanya" dan (19') membawa maksud "tidak boleh tidak berkata", menggunakan negasi berganda berbanding dengan ayat asal yang menggunakan negasi standard.

Dalam hal ini dapat dilihat satu ciri ayat negatif BJ yang lebih cenderung memilih bentuk negasi berganda berbanding negasi standard.

B. Frasa Positif BM → Frasa Negatif BJ

Bahagian ini merujuk dalam contoh ayat asal BM yang menggunakan frasa positif dan diterjemahkan dalam frasa negatif BJ. Beberapa ciri penggunaan ayat negatif BJ dapat dilihat di sini.

i. Penggunaan Frasa Negatif ke Atas Kata Pembena¹⁶ dalam BM

Contoh ayat yang terkumpul dalam kumpulan ini menunjukkan bahawa BJ lebih cenderung menggunakan frasa negatif untuk terjemahan kata pembena

15 *Irarenakatta*: Bentuk lampau untuk *irarenai*.

16 Kata pembena: Perkataan yang mendukung makna mengiakan (Nik Safiah *et al.*, 1993).

BM. Contohnya:

- (17) Benar, lembu ini marah. (*Juara*).
- (17') Machigainaku, Aral-go wa okotteiru. (*Togyushi*).
 Salah – NEG TOP sedang marah
 'Tidak salah lagi, Aral sedang marah.'
- (18) Tentu! (*Juara*).
- (18') Machigainai! ... (*Togyushi*).
 salah – NEG
 'Tidak salah.'
- (19) Mesti. Ya, mesti! (*Juara*).
- (19') *Kitto nareru darou. Machigainai!* ... (*Togyushi*).
 Tentu jadi [*possible*] mungkin. Salah – NEG
 'Tidak salah lagi. Pasti akan menjadi.'

Ayat (17'), (18'), dan (19') menggunakan *machigainai* yang membawa maksud tidak salah. Dalam BM juga ada kata 'Tidak salah lagi' digunakan untuk membenarkan atau mengiakan sesuatu perkara. Jika dilihat contoh ayat yang terkumpul, hampir semua keadaan menunjukkan situasi mengiakan sesuatu perkara, iaitu kata membenar digunakan dalam contoh BM berbanding dengan frasa negatif dalam contoh BJ seperti di atas.

Ketiga-tiga ayat terjemahan di atas, boleh diterjemahkan dengan menggunakan frasa positif seperti *honto-da* (benar – CAP). Walau bagaimanapun, dari segi nuansa frasa negatif lebih menunjukkan kesungguhan dan penekanan dalam ayat. Oleh sebab itu, BJ lebih cenderung memilih frasa negatif berbanding dengan frasa positif.

ii. Penggunaan Frasa Negatif untuk Tempoh Masa dalam BJ

Terdapat frasa yang menunjukkan tempoh masa dalam BM yang telah diterjemahkan dalam frasa negatif dalam BJ. Frasa BM yang lazimnya positif ini menunjukkan tempoh masa yang singkat. Frasa BJ juga menunjukkan tempoh masa yang singkat, tetapi dalam bentuk negatif. Rajah di bawah menunjukkan beberapa contoh yang dapat dilihat daripada ketiga-tiga buah novel.

Keadaan sebaliknya juga berlaku, apabila BM menggunakan frasa negatif untuk menunjukkan tempoh masa dan terjemahan BJ dalam bentuk positif. Sila rujuk (C):

BM	BJ
Kemudian	<i>Mamonaku</i>
Cepat	<i>Ma wo irezu, sukasazu, mamonai</i>
Sebentar lagi	<i>Mamonaku</i>
Pantas	<i>Magami wo irezu</i>

Rajah 2 Terjemahan Perkataan Berkaitan Masa.

Mamonaku, berasal daripada bentuk *mamonai*. Suku kata *~i* telah berubah dalam bentuk *~ku*,¹⁷ apabila diikuti ayat lain di belakangnya. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa *mamonaku* bukan daripada kumpulan frasa negatif. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat *mamonaku* ialah hasil perubahan daripada *mamonai* yang membawa maksud “tidak ada masa pun” atau maksud yang lebih lazim iaitu “tidak berapa lama”. *Ma wo irezu, sukasazu, magami wo irezu* mempunyai maksud sejajar dengan *tidak memasukkan masa, tidak berlengah, tidak meletakkan masa* menunjukkan tempoh masa yang singkat dalam BJ. Kemudian, cepat, sebentar lagi, dan pantas masing-masing sesuai disampaikan dalam frasa negatif BJ.

iii. Penggunaan Frasa Negatif untuk Ajakan dalam BJ

Ajakan dalam BM lazim menggunakan frasa positif seperti, “Jemput masuk dulu.” Walau bagaimanapun, pengucapan ‘Tak jemput masuk dulu’ juga sering didengar sebagai ajakan untuk seseorang yang muncul kerana sesuatu urusan yang segera selesai. Penggunaan tidak dan bukan dalam ayat soalan BM bukanlah satu fenomena yang baru. Ayat-ayat seperti, ‘Kamu lapar, tak?’, ‘Cantik, bukan?’ sering didengar dalam perbualan harian. Tetapi berdasarkan analisis data yang dibuat dalam kajian ini, BM didapati menggunakan frasa positif untuk menyatakan ajakan seperti dalam contoh ayat yang berikut:

17 Dalam BJ setiap perkataan yang berakhir dengan suku kata *~i* akan berubah mengikut undang-undang kata adjektif *~i*. Dalam kes di atas, *~ku* merupakan kata hubung dengan ayat seterusnya.

- (20) 'Marilah bercakap-cakap dengan mereka,' ... (*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
- (20') *Heitai san to hanashi ni ikanai?* (*Horo Nigai Omoide*).
Askar dengan bercakap P pergi-NEG
'Tidak pergi bercakap dengan askar?'
- (21) "Siapa mahu ke angkasa lepas?" (*Seroja Masih di Kolam*).
- (21') *Kono naka de dareka uchu hiko wo shite mitai hito.*
Ini dalam di siapa-Q angkasa lepas terbang ACC buat cuba orang
wa inai - ka? (*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).
TOP ada - NEG - Q
'Tidak adakah sesiapa yang mahu terbang ke angkasa lepas dalam kumpulan ini?'
- (22) "Mari cuba angkasawan *special* ala Rusli." (*Seroja Masih di Kolam*).
- (22') *Rusli uchu hikoshi spesyaruru wo tameshite minai- ka.*
Rusli angkasa lepas angkasawan *special* ACC cuba cuba - NEG - Q
(*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).
'Tak mahukah cuba angkawasan *special* ala Rusli?'

Ayat (20'), (21'), dan (22') masing-masing menggunakan frasa negatif *ikanai* (tidak pergi), *inai-ka* (tidak adakah?), dan *minai-ka* (tidak cubakah?) untuk menarik perhatian dan mengajak seseorang melakukan sesuatu. Ayat (20') biasanya dibaca dengan intonasi yang sedikit tinggi pada akhir ayat untuk menunjukkan ajakan dan (21') dan (22') menggunakan kata soal *~ka* sebagai penanda ayat ajakan. Dalam BJ sesuatu ajakan lebih bersahaja jika digunakan frasa negatif seperti yang berikut:

- (23) *Isshoni gohan wo tabe - ni iki - masen - ka.*
Bersama-sama nasi ACC makan - ke pergi - NEG - Q
'Tidak pergi makan bersama-samakah?'

iv. BJ Menggunakan Frasa Negatif untuk Kata Seru BM

Penggunaan kata seru seperti *aduh*, *cis*, *wah*, *aduhai*, *amboi*, *oh*, *eh*, *syabas*, *wahai* dalam BM agak meluas berbanding dengan penggunaannya dalam BJ yang mempunyai bilangan kata seru yang sangat sedikit. Walau bagaimanapun, kajian ini telah dapat mengesan penggunaan bentuk negatif

dalam BJ seperti dalam contoh ayat di bawah:

- (24) “Wah, hebat ceritamu, Anna.” (*Seroja Masih di Kolam*).
(24’) *Sugoi hanashi janai ka, Anna.* (*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).
hebat cerita – NEG Q
‘Bukankah hebat ceritamu, Anna.’

Struktur bentuk negatif di sini tidak berbeza dengan bentuk negasi standard BJ. Ia cuma berbeza dari segi intonasi dalam penuturan.

C. Frasa Negatif BM → Frasa Positif BJ

Data BM menunjukkan penggunaan frasa negatif lebih tertumpu dalam negasi standard seperti terdapat pada contoh ayat di bawah:

- (25) ... supaya keretanya tidak sampai ke tempat-tempat yang terpencil.
(*Juara*).
(25’) ... *mura-mura he iku no wo bougai sareta koto mo atta.*
(*Togyushi*).
kampung-kampung ke pergi NOM ACC dihalang NOM pun ada [past]
‘Keretanya pernah dihalang daripada sampai ke kampung-kampung.’
- (26) Itu pun selalu tidak dapat datang. (*Seroja Masih di Kolam*).
(26’) *Sono ma mo yasumi gachi datta.* (*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).
Itu waktu pun cuti selalu CAP [past]
‘Waktu itu pun selalu cuti.’
- (27) Mungkin sekali aku tidak lagi mempunyai bukti paling penting itu.
(*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
(27’) *Sono ichi ban taisetsu na shirushi wo nakushite simatta.*
Itu satu nombor penting [na adj.] tanda ACC hilang ter-
kamoshirenai no da. (*Horo Nigai Omoide*).
mungkin NOM COP
‘Mungkin aku sudah kehilangan satu-satunya tanda yang berharga.’

Walaupun ayat (25), (26), dan (27) menggunakan frasa negatif BM, dan telah diterjemahkan menggunakan frasa positif BJ. Jika dilihat, (25’), (26’), dan (27’) memang diterjemah ke dalam bentuk positif, tetapi perkataan yang digunakan dalam contoh-contoh ini sebenarnya mempunyai maksud

negatif. *Bougai suru* (menghalang), *yasumi* (tidak datang), *nakusu* (hilang) sebenarnya mengandungi maksud negatif di dalamnya dan tidak memerlukan kehadiran konstituen ataupun unsur negatif (G. Tottie, 1982). Perkataan seperti ini dikenali sebagai *inherent negative*.¹⁸ Oleh sebab itu, walaupun terjemahan frasa BJ dalam bentuk positif, serta mampu untuk menyampaikan maksud sebenar dalam BM kerana perkataan yang digunakan sudah sedia mengandungi maksud negatif.

Selain itu, seperti yang telah disentuh di bahagian B (ii), terdapat beberapa penggunaan frasa yang menunjukkan tempoh masa BM telah diterjemahkan dalam frasa positif BJ. Rujuk rajah di bawah:

BM	BJ
Tidak lama	<i>Shosho</i>
Tidak lama dahulu	<i>Sukoshi mae</i>

Rajah 3 Terjemahan Perkataan Berkaitan Masa.

Berbanding dengan frasa positif yang diterjemahkan secara negatif, bilangan frasa negatif BM yang diterjemah positif amat sedikit. Walau bagaimanapun, ini menunjukkan bahawa BM dan BJ menggunakan kedua-dua frasa positif dan negatif untuk menunjukkan tempoh masa yang singkat, dan menunjukkan sifat yang saling berlawanan.

D. Frasa Positif BM → Frasa Negatif BJ (Maksud Positif)

Penggunaan bentuk negatif BJ merangkumi pelbagai aspek. Menurut Morita (1990) unsur atau konstituen negatif *~nai* BJ merangkumi aspek penafian, penidakan, persoalan, ramalan, ramalan negatif, ajakan, persetujuan, kekejutan negatif, hasrat, dan keinginan. Walaupun konstituen negatif wujud dalam frasa dan ayat BJ, terdapat antara penggunaannya yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan aspek penafian. Daripada pemerhatian terhadap data terkumpul didapati penggunaan frasa yang mengandungi konstituen negatif BJ yang membawa maksud positif seperti yang telah dipadankan

18 *Inherent negative* merujuk pada perkataan yang mendukung maksud negatif tanpa memerlukan kehadiran konstituen negatif ataupun kata nafi. Contohnya: ponteng, gagal, kurang, dan lain-lain.

daripada ayat-ayat BM yang bermaksud positif seperti yang di bawah:

- (28) ... kerana aku terpaksa bergelut dengan penyakit gagap.
(*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
- (28') *Watashi ga domori no shojou to tatakawana.*
Aku TOP gagap BP penyakit dengan berperang – NEG
– kereba – naranai tame ni... (*Horo Nigai Omoide*).
kalau – jadi – NEG untuk partikel
'Kerana aku mesti berperang dengan penyakit gagap.'
- (29) ... pelajaran harus dihafaz setiap hari untuk menjawab soalan pada hari berikutnya. (*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
- (29') *Mainichi, aratta koto wo sono hi no uchi ni oboe.*
Setiap hari belajar [past] perkara ACC itu hari BP
dalam pada ingat
tsugi ni hi shitsumon saretara kotaerareru yoo ni shite
kemudian pada hari ditanya jawab [boleh]¹⁹ supaya P buat
okana- kereba-naranai. (*Horo Nigai Omoide*).
sedia – NEG – kalau – jadi – NEG
'Perkara yang dipelajari hari itu perlu dihafaz untuk bersedia supaya
boleh dijawab pada hari berikutnya.'
- (30) Dia mesti menunggu. (*Juara*).
- (30') *Dora wo machibusena – kereba – naranai.* (*Togyushi*).
Dolah ACC menunggu – NEG – kalau – jadi – NEG
'Dia mesti menunggu Dolah.'

Ayat BM (28), (29), dan (30) menggunakan KK bantu modal *terpaksa*, *harus*, *mesti* untuk menunjukkan tahap kewajipan menunaikan tugas (KK) berkenaan. Ayat BJ pula menggunakan frasa *~nakerebanaranai* untuk menunjukkan tanggungjawab atau kewajipan terhadap sesuatu tugas. Walaupun frasa *~nakerebanaranai* mengandungi konstituen negatif (*~nai*), tetapi ia dijadikan positif dengan kehadiran konstituen negatif berganda (*double negative*). Rajah di bawah menunjukkan ringkasan gabungan KK dan *~nai* yang menjadikannya ungkapan yang menunjukkan kewajipan (*obligation*).

19 *-rareru* merupakan bentuk KK yang menunjukkan potensi/kemampuan untuk melakukan sesuatu.

tidak kalau/jika tidak jadi
 kk~*Nai* + *kereba(neba)*²⁰ + *naranai*²¹



KK – *nakerebanaran i* (kalau tidak KK tidak jadi)

Rajah 4 Ringkasan Gabungan KK dan ~*nai* untuk Menunjukkan Kewajipan.

E. Frasa Negatif BM → Frasa Negatif Kanji BJ

Contoh data di bawah menunjukkan penggunaan frasa negatif BM yang telah diterjemahkan dalam bentuk negasi berimbuhan (*affixal negation*) BJ. Walaupun mempunyai sistem yang berbeza, bentuk negasi berimbuhan juga wujud dalam BM, dan agak pesat digunakan dalam bahasa Melayu Indonesia (Sudaryono, 1992). BJ mempunyai pengaruh BC yang kuat dari segi tulisannya. Banyak perkataan dalam BJ yang menggunakan *kango* (nota 14), terutamanya dalam bahasa penulisan. Penafian pada *kango* boleh dilakukan dengan menggabungkan kanji yang membawa maksud *tidak*, seperti [非 = hi] [不 = fu] [無 = mu/bu], dan [未 = mi]. Lihat contoh ayat di bawah:

- (31) ... tidak kurang seronoknya kami bermain. (*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
- (31') *Sore hodo fujiyuu wa kanjinakatta.* (*Horo Nigai Omoide*).
 Itu lebih kurang bebas – NEG TOP. merasa – NEG[past]
 'Tidak merasakan sebegitu tidak bebas.'
- (32) ... demikian tidak romantiknya. (*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
- (32') *Hiromanichikku na joudan.* (*Horo Nigai Omoide*).
 Romantik – NEG [na adj.] gurau
 'Gurauan tidak romantik.'

Seperti yang dapat dilihat dalam contoh ayat BM (31) dan (32) masing-masing menggunakan frasa negatif yang boleh diterjemahkan dalam bentuk

20 *Kereba*: Suku kata untuk menunjukkan syarat. Sering digunakan dengan KK dalam bentuk negatif seperti contoh, *tabenakereba* (kalau tidak makan), dan *ikanakereba* (kalau tidak pergi).

21 Bentuk negatif untuk *naru* yang bermaksud jadi.

negasi berimbuan dengan menggunakan *kanji* [非 = hi], [不 = fu], [無 = mu/bu], dan [未 = mi] dalam BJ. *Fujiyuu* adalah merupakan imbuan awalan *fu* (tidak) pada *jiyuu* (bebas) dan bermaksud *tidak bebas*. Imbuan awalan *hi* (tidak) pula menjadikan *romanchikku* (romantik) kepada *tidak romantik*. *Mugon* pula adalah gabungan *mu* (tiada) dan *gon* (kata) dan bermaksud *tidak berkata* atau *tiada kata*.

Carta di bawah menunjukkan frasa negatif BM yang telah diterjemahkan dalam bentuk negatif BJ dengan menggunakan *kanji* [非 = hi], [不 = fu], [無 = mu/bu], dan [未 = mi] sebagai konstituen negatif.

BM	BJ
Tidak tahu	<i>Muishiki, Fukakai</i>
Tidak banyak cakap	<i>Mukuchi</i>
Tidak berkata	<i>Mugon</i>
Tidak diperlukan	<i>Buyou</i>
Tidak apa-apa	<i>Buji</i>
Tidak pernah ambil tahu	<i>Mukanshin</i>
Tidak cukup	<i>Fusoku</i>
Tidak puas	<i>Fumanzoku</i>
Tidak puas hati	<i>Fuman</i>
Tidak masuk hitungan	<i>Mukou</i>
Tidak salah	<i>Mujitsu</i>
Tidak bersalah	<i>Muzai</i>
Tidak peduli	<i>Mushi</i>
Tidak disangka-sangka	<i>Fui</i>
Tidak betul	<i>Futou</i>
Tidak adil	<i>Futou</i>
Tidak menyenangkan	<i>Fukaikan</i>
Tidak terpujuk	<i>Muda</i>
Tidak acuh	<i>Mushi</i>

BM	BJ
Tidak perasan	<i>Mushi</i>
Tidak pandai	<i>Muri</i>
Tidak <i>gentleman</i>	<i>Furyou</i>
Tidak berhenti-henti (bekerja)	<i>Fuminfukyuu</i>
Tidak adil	<i>Fukouhei</i>
Tidak romantik	<i>Hiromanchikku</i>
Tidak boleh	<i>Muri</i>
Tidak mungkin	<i>Fukanou</i>

Rajah 5 Senarai Frasa Negatif BM dan Negatif BJ yang Menggunakan Kanji.

BM juga mempunyai frasa negatif yang boleh digabungkan dengan imbuhan seperti ketidakadilan, ketidaksamaan, ketidakupayaan, dan sebagainya. Tetapi, *ke* dan *an* dalam BM tidak mendukung sebarang makna, dan hanya bertugas sebagai ‘nominalizer’ pada frasa negatif seperti tidak adil, tidak sama dan tidak upaya.

F. Frasa yang Menggunakan Kata Tugas BM → Frasa Negatif BJ

Selain daripada kata nafi, kata tugas BM seperti *jarang*, *hanya*, dan *belum* juga sebenarnya mengandungi maksud negatif walaupun kata nafi seperti *tidak* dan *bukan* tidak hadir. *Hanya* diklasifikasikan sebagai kata penguat, *belum* sebagai kata bantu aspek dan *jarang* sebagai kata yang mendukung tugas. Kata-kata ini menunjukkan kekerapan berlakunya sesuatu (Nik Safiah *et al.*, 1996), dan telah diterjemahkan dalam frasa negatif BJ seperti terdapat pada data ayat yang terkumpul dalam kajian ini. Berikut merupakan contoh-contohnya:

i. Kata Penguat Hanya

Hanya yang bertindak sebagai kata penguat untuk sesuatu ayat BM telah diterjemahkan dalam frasa negatif BJ dengan gabungan antara kata adverbs *shika* dan KK dalam bentuk negatif *~nai*.

- (33) Sastera Indonesia dan Melayu Semenanjung hanya dikenalnya setakat yang dijangka perlu untuk peperiksaan. (*Seroja Masih di Kolam*).
- (33') *Indoneshia bungaku ya mare- bungaku wa shiken ni.*
Indonesia sastera dan Melayu sastera TOP peperiksaan P
deru teido no mono shika yonde inai. (*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).
keluar darjah BP perkara hanya baca – NEG
'Pengetahuan tentang sastera Indonesia dan Melayu hanyalah setakat yang keluar dalam peperiksaan sahaja.'
- (34) Minah hanya diam sahaja. (*Juara*).
- (34') *Mina wa nani mo iwazu – ni – damatte ita.* (*Togyushi*).
Minah TOP apa-apa pun berkata – NEG – P berdiam [past]
'Minah tidak berkata apa-apa dan diam sahaja.'
- (35) Dan baginya Che' Eton hanyalah seorang lagi para isteri yang agak menyilaukan mata. (*Seroja Masih di Kolam*).
- (35') *Kanojo ni totte wa, Eton fujin wa, genwakutekina.*
Dia (perempuan) P pada CON Eton Puan TOP memukau [na adj.]
bijin de wa aru ga, hokano fujintachi no hitori ni suginai.
cantik COP tetapi lain para isteri BP seorang P lebih – NEG
(*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).
'Pada pandangannya, kecantikan Puan Eton memukau, tetapi dia juga tidak lebih daripada seorang para isteri.'

Berbanding dengan ayat BM (33) yang menggunakan *hanya dikenali*, ayat BJ (33') menggunakan *shika yonde inai* yang bermaksud *hanya baca* (dalam bentuk negatif). Oleh sebab kata adverba *shika* mesti diikuti bentuk negatif, KK *yonde iru* digunakan dalam bentuk negatif, iaitu *yonde inai*. Ayat BM (34) yang menggunakan *hanya diam* pula diterjemahkan dalam *nani mo iwazu ni damatte ita* (34') yang bermaksud *tidak berkata apa-apa dan berdiam diri*. Ayat BM (35) yang menggunakan *hanya.....* pula, diterjemah dalam ayat BJ (35') ... *ni suginai* yang bermaksud *tidak lebih dari*. Menurut *Kamus Millenium* (2000: 223) *hanya* juga mendukung maksud *tidak lebih daripada* ataupun *cuma*. Ini membuktikan penggunaan ... *ni suginai* juga bersesuaian dengan *hanya* dalam ayat (35).

Jika diperhatikan contoh ayat di atas, dapat dilihat bahawa BJ lebih cenderung menggunakan frasa negatif untuk menyatakan sesuatu walaupun

terdapat pilihan untuk menyatakan ayat di atas dalam bentuk positif dengan menggunakan kata adverba *dake* [hanya/sahaja].

ii. Kata Bantu Aspek Belum

Belum merupakan kata bantu aspek BM yang menunjukkan aspek sesuatu KK yang belum selesai seperti *belum makan*, *belum pergi*, *belum tidur* dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, *belum* boleh diterjemahkan dalam *mada*, iaitu satu kata adverba BJ yang diikuti KK dalam bentuk negatif *-nai*. Berikut ialah beberapa contoh ayat yang didapati dalam kesemua ayat BJ menggunakan frasa negatif.

- (36) Dia kasihankan orang tua yang belum betul-betul sembuh itu.
(*Juara*).
- (36') *Sono toki no kizu wa mada kanzenni naotteinai - n - da.*
(*Togyushi*).
Itu waktu BP luka partikel belum sepenuhnya sembuh – NEG – NOM – CAP
'Lukanya pada masa itu belum sembuh sepenuhnya.'
- (37) ... kerana belum pernah ia menjejaknya. (*Seroja Masih di Kolam*).
- (37') *Sore ni mada itta koto - ga - nai no de.*
Tambahan belum pergi [past] NOM – TOP – NEG kerana
(*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).
'Tambahan pula dia belum pernah pergi'
- (38) Rupanya belum lengkap lagi. (*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
- (38') *Watashi no henji no shikata wa mada mada juubun.*
Aku BP jawapan BP cara TOP belum belum cukup
dewanakatta yo da. (*Horo Nigai Omoide*).
COP – NEG [past] seperti
'Rupa-rupanya cara aku menjawab belum mencukupi lagi.'

Ayat (36'), (37') dan (38') masing-masing menggunakan *mada* dengan gabungan KK-*nai* bagi menunjukkan aspek yang tidak lengkap.

iii. Kata Tugas Jarang

Bagi penggunaan kata adverba BM *jarang*, BJ menggunakan kata adverba *mettani* dengan gabungan KK bentuk negatif *-nai*. Berikut merupakan

contoh ayat BM yang menggunakan *jarang* dan telah diterjemahkan dalam frasa negatif BJ.

- (39) Ayah jarang di rumah. (*Tempat Jatuh Lagi Dikenang*).
- (39') *Chichi wa mettani inakatta*. (*Horo Nigai Omoide*).
ayah TOP jarang ada – NEG [past]
'Ayah jarang ada.'
- (40) Hayati yang jarang-jarang menonton. (*Seroja Masih di Kolam*).
- (40') *Mettani miru kikai no nai Hayati*. (*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*).
Jarang lihat peluang NOM – NEG
'Hayati yang jarang berpeluang menonton.'
- (41) ... jarang sekali dia memikirkan hal Kelantan. (*Juara*).
- (41') *Mamatto wa Kurantan no koto wo mettani omoidasanakatta*. (*Togyushi*).
Mamat TOP Kelantan BP perkara ACC jarang mengingati – NEG [past]
'Mamat jarang mengingati Kelantan.'

Jarang merupakan kumpulan kata tugas yang menunjukkan kekerapan berlakunya sesuatu perkara, iaitu sekiranya *jarang* digunakan, kekerapannya sangat rendah. Bentuk duplikasi *jarang-jarang* juga membawa maksud yang sama. Walau bagaimanapun, fenomena ini dinyatakan dengan menggunakan frasa negatif BJ, iaitu gabungan kata adverba *mettani* dan *kk~nai*. *Mettani* seperti *shika* dan *mada* juga dikenali sebagai *chinjutsufukushi*, iaitu kata adverba *chinjutsu*.²²

Perbincangan

Secara kasar, hasil analisis kuantitatif didapati bahawa, lebih 60 peratus daripada frasa-frasa negatif BM diterjemahkan dalam frasa negatif BJ. Lebih 20 peratus frasa positif BM diterjemahkan dalam frasa negatif BJ dan kurang 10 peratus frasa negatif BM diterjemahkan dalam frasa positif. Dan jika dilihat pada analisis kualitatif, frasa positif BM yang diterjemahkan

22 Kata adverba *chinjutsu*: Kumpulan kata adverba yang diikuti dengan KK bentuk *~nai* ataupun KK yang telah ditetapkan sahaja.

dalam frasa negatif kebanyakannya dirangkumi oleh frasa negatif BJ yang mendukung makna yang positif seperti frasa untuk menunjukkan kewajipan melakukan sesuatu *~nakerebanaranai*. Ada juga antara frasa positif BM yang menggunakan perkataan yang mendukung maksud negatif ataupun *inherent negative word* dan diterjemahkan dalam bentuk negatif dalam BJ.

Perbezaan ketara yang dapat dilihat ialah dalam menyatakan sesuatu ajakan, iaitu BM secara keseluruhan menggunakan frasa positif dan BJ menggunakan frasa negatif. Ayat tanya tentang kewujudan (*existential*) dalam BJ lebih gramatis dalam bentuk negatif, seperti contoh:

- (42) *Koko ni mareshia no gakusei imasenka?*
 Sini di Malaysia BP pelajar ada –NEG–Q
 'Pelajar Malaysia ada di sinikah?'

Begitu juga halnya dalam menyatakan ajakan seseorang. Lazimnya frasa negatif lebih gramatis dan dianggap sopan. Sebaliknya ayat BM lebih gramatis dalam bentuk positif. Jika ayat (42) dinyatakan dalam bentuk negatif, kemungkinan akan berbunyi seperti berikut:

- (43) Di sini tak ada pelajar Malaysiakah?

Ayat (43) mungkin sering kita dengar dalam perbualan harian, walau bagaimanapun, ayat-ayat begini hanya hadir dalam konteks tertentu. Oleh sebab itu, adalah wajar jika dikatakan dalam BM ayat-ayat tanya tentang kewujudan (*existential*) lazimnya dalam bentuk positif. Begitu halnya dengan ajakan. Walaupun dalam BM frasa negatif digunakan untuk ajakan, seperti contoh:

- (44) Tak singgah dulu? Ayat (44) ini bukanlah satu ajakan yang tulen, kerana ini merupakan satu kesopanan ataupun ungkapan wajar dalam sesuatu perbualan yang menjurus ke arah itu.

Seterusnya jika dilihat frasa-frasa positif yang diterjemahkan dalam frasa negatif, kebanyakannya terdiri dari kata tugas seperti *jarang*, *hanya*, dan *belum* dan masing-masing mendukung sifat negatif. Boleh dikatakan perkataan-perkataan ini sendiri tergolong sebagai *inherent negative word* dan hanya positif dari segi format.

Ada juga dalam kalangan frasa-frasa negatif BM yang diterjemahkan dalam frasa positif juga sebenarnya hanya menunjukkan sifat positif dari segi formatnya sahaja. Dalam beberapa hal seperti yang telah dinyatakan di atas, frasa positif ini sebenarnya menggunakan perkataan yang sedia mendukung maksud negatif. Terdapat juga beberapa situasi apabila frasa

negatif BM digunakan dalam bentuk sindiran seperti: (1) Tak berpinggang [gemuk] yang digunakan dalam *Tempat Jatuh Lagi Dikenang*; dan (2) Orang tak mampu [miskin] yang digunakan dalam *Seroja Masih di Kolam*. Kedua-dua frasa ini telah diterjemahkan secara langsung (*direct*) dalam *hutocchatte* (*hutotte shimatte*) [menjadi gemuk] dan *binboonin* [orang miskin]. Walau bagaimanapun, kes ini tidak dapat mewakili fakta bahawa BJ lebih *direct* daripada BM disebabkan bilangan contoh yang sangat sedikit dan faktor-faktor terjemahan yang mungkin timbul sewaktu proses terjemahan dilakukan.

KESIMPULAN

Hasil daripada penelitian terhadap tiga buah novel BM dan terjemahan BJ iaitu: *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* (*Horo Nigai Omoide*), *Seroja Masih di Kolam* (*Saroja no Hana wa Mada Ikeni*), dan *Juara* (*Togyushi*) dan, beberapa ciri-ciri perbandingan kedua-dua bahasa (BM dan BJ) boleh dirumuskan. Frasa negatif BM dan BJ mempunyai struktur yang berbeza tetapi fungsi kedua-dua bahasa tersebut berkongsi ciri dalam beberapa aspek.

Penggunaan frasa negatif dalam BJ lebih meluas berbanding dengan BM memandangkan peratusan frasa positif BM yang diterjemahkan dalam frasa negatif BJ lebih tinggi berbanding dengan frasa negatif BM yang diterjemahkan dalam frasa positif.

Rumusan pertama menunjukkan bahawa BM dan BJ sememangnya mempunyai beberapa ciri-ciri persamaan dan rumusan kedua menunjukkan bahawa struktur nahuan dalam sesebuah bahasa, BJ dan BM, mempengaruhi penghasilan frasa sama ada negatif atau positif. Memandangkan hasil kajian ini terhad hanya pada tiga buah novel dan terjemahan yang dinyatakan di atas, sejauh mana dapat mewakili kedua-dua bahasa juga masih boleh diragui. Walau bagaimanapun, makalah ini dianggap penting sebagai satu asas permulaan untuk mengkaji isu-isu perbezaan dan persamaan nahuan yang wujud daripada aspek negasi antara BM dengan BJ. Oleh yang demikian, lanjutan daripada kajian ini juga merupakan satu topik yang mampu dikembangkan pada masa hadapan.

RINGKASAN

BM Bahasa Melayu

BJ Bahasa Jepun

BC Bahasa Cina

KAJIAN PERBANDINGAN FRASA NEGATIF BAHASA MELAYU DAN BAHASA JEPUN

- BI Bahasa Ingeris
- KK Kata kerja
- KN Kata nama
- NEG negatif
- COP *copula*
- NOM *nominalizer*
- Q *question*
- FP *sentence final particle*
- P *oarticle*
- TOP *topic marker*
- BP *belonging particle*
- ACC *accusative case*
- QM *quotation marker*
- CON *contrast*

BAHAN KAJIAN

- Adibah Amin, 1968. *Seroja Masih di Kolam*. Pustaka Melayu Baru, Kuala Lumpur.
- Adibah Amin, 1983. *Tempat Jatuh Lagi Dikenang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayumi, Matsuda, 1986. *Horo Nigai Omoide*. Dandan-sha.
- Ayumi, Matsuda, 1986. *Saroja no Hana wa Mada Ikeni*. Dandan-sha.
- Mikio, Hirato, 1988. *Togyushi*. Imura Bunka Jigyosha.
- S. Othman Kelantan, 1988. *Juara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

RUJUKAN

Bahasa Malaysia

- Arbak Othman, 1989. *Nahu bahasa Melayu*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1992. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Millenium*, 2000. Federal Publication.
- Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan, 1994. *Nahu Melayu Moden*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood, 1996. *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sudaryono, 1992. *Negasi dalam Bahasa Indonesia: Satu Tinjauan Sintaktik dan*

Semantik. Perpustakaan Nasional: Katalog Dalam Terbitan (KDT).

Bahasa Jepun

Akira, Ota, 1980. *Hitei no Imi* (Makna Negasi). Taishukan.

Haruhiko, Kindaichi, 1975. *Nihonjin no Gengo Hyougen* (Ekspresi Bahasa Masyarakat Jepun). Kodansha Gendai Shoten.

Izzudin Berahim, 2000. *Nihongo no Kakujoshi to Mareshiago no Zenchishi no Taisho*

“Kenkyu - [Ni] wo Chushin ni” (Perbandingan antara *Kakujoshi* Bahasa Jepun dan Kata Sendi Nama Bahasa Malaysia). Tesis Sarjana Universiti Hiroshima.

Japan Foundation International Japanese Language Institute / Japanese Language Education <http://www.jpfi.go.jp/jurawalkunibetsu/>

Kunihiro, Iwakura, 1982. “Eigo no Hitei Kenkyu” (Kajian Negasi Bahasa Inggeris). Kenkyusha.

Kenkyusha's New Collegiate Japanese-English Dictionary, 1983. Kenkyusha.

Leow Yoon Chin, 1998. “Nihongo to Mareshiago no Taisho Kenkyu-Meiwaku Ukemi wo Chushin ni-” (Perbandingan Ayat Pasif Bahasa Malaysia dan Bahasa Jepun). Tesis Sarjana Universiti Hiroshima.

Naoki, Kawase , 1996. “Eigo no Hitei Hyougen ni tsuite” (Ekspresi Negatif dalam Bahasa Inggeris) *Osaka Kougyou Daigaku Kiyo Jinbunshakaihen* (Osaka Technology University Human Science Journal) Bil. 41, hlm.11 –28.

Nobuyuki, Matkura, 1999. “Nichi-Ei no Hitei Hyougen no Hikaku to Ibunka Komunikeshon” (Perbandingan Negasi Bahasa Jepun dan Bahasa Inggeris dan Komunikasi antara Budaya). *Suzuka Kokusai Daigaku Kiyo* (Journal of Suzuka International University) CAMPANA 6, hlm. 161–169.

Naomi, Sawada, 1999. “Nihongo ni Okeru Gimu Hyougen no Imiron to Goyoron – Nichi I –Ei Taisho Gengogakuteki Apurochi” (Kajian Semantik dan Pragmatik ke Atas Ekspresi yang Menunjukkan Aspek Kewajipan- Satu Perbandingan Linguistik antara Bahasa Jepun dan Bahasa Inggeris), dlm. *Nihongo no Imi to Bunpo Fukei* , hlm. 275–288. Yugengaisha Hitsuji Shobo.

Shun, Narita, 1998. *Nihongo Keitairon* (Morfologi Bahasa Jepun). Hitsuji Shobo.

Shigehiko, Toyama, 1992. *Eigo no Hasso Nihongo no Hasso* (Pemikiran dalam Bahasa Jepun dan Pemikiran dalam Bahasa Inggeris). NHK Books.

Yoshiro, Kojima, 1988. *Nihongo no Imi Eigo no Imi* (Makna Bahasa Jepun dan Makna Bahasa Inggeris). @Minamigumodo.

Yakotobuki, Namatame (ed.), 1996. *Nihongo Kyoshi no tame no Gendai Nihongo Hyogen Bunten* (Ekpresi Masa Kini Bahasa Jepun untuk Guru Bahasa Jepun). Bonjinsha.

Yoshiyuki, Morita, 1990. *Nihongogaku to Nihongokyouiku* (Bahasa Jepun dan Pendidikan Bahasa Jepun). Bonjinsha.

Yoshiyuki, Morita dan Masae, MATSUKI, 1989. *Nihongo Hyougen Bunkei* (Ekpresi dan Struktur Ayat Bahasa Jepun). NAFL Sensho Kabushikigaisha ARUKU.

Bahasa Inggeris

- Akira, Ota dan Yasuhiko, KATO, "The Negative Scope of Neg and Quantifiers in English and Japanese". *Sophia Linguistica*, 20/21, Sophia University.
- Asmah Haji Omar, 1995. *An Introduction to Malay Grammar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chung Hye Han, 2001. "Force, Negation and Impertatives". *The Linguistic Review* 18, 4, hlm. 290–325.
- Gunnerl, Tottie, 1982. "Where do negative sentences come from?" *Studia Linguistica* 36 (1), hlm. 88–105.
- Kahrel & Van Den Berg, 1994. *Typological Studies In Negation*. John Benjamin Publishing Company.
- Naomi, Hanaoka, Mc Gloin, 1986. *Negation in Japanese*. Boreal Scholarly Publishers.
- Nik Safiah Karim, 1995. *Malay Grammar for Academics and Professionals*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yasuhiko, Kato, 1986. "Negative Sentences in Japanese". *Sophia Linguistica*. Sophia University.